

BAB 5

PENJELASAN DAN PENYELESAIAN

SEKSYEN AM

5.1 PENJELASAN DAN PENYELESAIAN TRANSAKSI PADA PASARAN DAN KONTRAK URUS NIAGA TERUS

- (a) Peserta Penjelasan hendaklah menjelaskan dan menyelesaikan semua Transaksi Pada Pasaran dan Kontrak Urus Niaga Terus menerusi Pusat Penjelasan menurut Kaedah-kaedah ini.
- (b) [Dipotong]
- (c) Penghantarserahan dan penyelesaian Transaksi Pada Pasaran dan Kontrak Urus Niaga Terus hendaklah dilaksanakan menurut Kaedah-kaedah ini, Kaedah-kaedah Bursa dan Kaedah-kaedah Depositori.

5.1A NOVASI BAGI TRANSAKSI PADA PASARAN

- (a) Sebaik sahaja selepas penerimaan suatu Transaksi Pada Pasaran untuk penjelasan dan penyelesaian oleh Pusat Penjelasan, Transaksi Pada Pasaran dinovasi kepada Pusat Penjelasan dan digantikan dengan dua Kontrak Yang Dinovasi.
- (b) Apabila Transaksi Pada Pasaran dinovasi kepada Pusat Penjelasan :
 - (i) obligasi Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli untuk membayar balasan belian kepada Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual digantikan dengan obligasi oleh Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli untuk membayar balasan belian kepada Pusat Penjelasan;
 - (ii) hak Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli untuk menerima Sekuriti daripada Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual digantikan dengan hak Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli untuk menerima Sekuriti daripada Pusat Penjelasan menerusi Catatan Buku;
 - (iii) obligasi Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual untuk menghantarserah Sekuriti kepada Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli digantikan dengan obligasi Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual untuk menyerahkan Sekuriti kepada Pusat Penjelasan menerusi Catatan Buku; dan
 - (iv) hak Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual untuk menerima balasan belian daripada Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli digantikan dengan hak Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual untuk menerima balasan belian daripada Pusat Penjelasan.
- (c) Obligasi dan hak di bawah Kontrak Yang Dinovasi:
 - (i) antara Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli dengan Pusat Penjelasan; dan

- (ii) antara Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual dengan Pusat Penjelasan,

adalah terikat oleh dan kepada pihak-pihak sebagai prinsipal kepada satu sama lain tanpa mengambil kira bahawa Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli dan menjual mungkin telah bertindak sebagai ejen bagi klien masing-masing dalam melaksanakan atau menjelaskan dan menyelesaikan Transaksi Pada Pasaran yang relevan.

- (d) Tertakluk pada apa-apa yang diperuntukkan selainnya dalam Kaedah-kaedah ini, terma Kontrak Yang Dinovasi hendaklah berdasarkan terma yang sama dengan Transaksi Pada Pasaran yang relevan yang digantikan oleh Kontrak Yang Dinovasi yang sedemikian.

5.1B PENYERAHAN SEKURITI DI BAWAH KONTRAK YANG DINOVASI

- (a) Peserta Penjelasan yang menjual hendaklah memastikan bahawa Sekuriti yang dijual menurut Kontrak Yang Dinovasi adalah tersedia sebagai Baki Boleh Dagang dalam akaun sekuriti yang relevan bagi Peserta Penjelasan yang menjual atau kliennya pada masa yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Bursa. Bagi memenuhi obligasinya untuk menghantARSERAH Sekuriti kepada Pusat Penjelasan, Peserta Penjelasan yang menjual memberi kuasa tanpa boleh batal kepada Pusat Penjelasan untuk mengarahkan Depositori Pusat untuk mendebit Sekuriti daripada akaun sekuriti yang relevan bagi Peserta Penjelasan yang menjual atau kliennya.
- (b) Hak Pusat Penjelasan untuk menerima Sekuriti pada mana-mana hari penyelesaian yang ditetapkan daripada Peserta Penjelasan yang menjual menurut Kontrak Yang Dinovasi adalah disempurnakan dengan mendebit Sekuriti sedemikian daripada akaun sekuriti yang relevan bagi Peserta Penjelasan yang menjual atau kliennya sebelum pukul 10.00 pagi pada hari penyelesaian yang ditetapkan oleh Depositori Pusat, apabila menerima instruksi daripada Pusat Penjelasan.
- (c) Peserta Penjelasan yang membeli memberi kuasa tanpa boleh batal kepada Pusat Penjelasan untuk menghantar serah Sekuriti yang dibeli menurut Kontrak Yang Dinovasi, dengan mengarahkan Depositori Pusat untuk mengkredit Sekuriti ke dalam akaun sekuriti yang relevan bagi Peserta Penjelasan yang membeli atau kliennya.
- (d) Obligasi Pusat Penjelasan untuk menghantar serah Sekuriti kepada Peserta Penjelasan yang membeli menurut Kontrak Yang Dinovasi pada mana-mana hari penyelesaian yang ditetapkan adalah dilepaskan melalui pengkreditan Sekuriti sedemikian ke dalam akaun sekuriti yang relevan bagi Peserta Penjelasan yang membeli atau kliennya sebelum pukul 10.00 pagi pada hari penyelesaian yang ditetapkan.

5.2 INGKAR ATAU POTENSI INGKAR DALAM PENGHANTARSERAHAN

- (a) Tertakluk pada Kaedah-kaedah ini, sekiranya Peserta Penjelasan Perdagangan, yang berkaitan dengan Kontrak Yang Dinovasi, gagal menghantar serah Sekuriti kepada Pusat Penjelasan pada hari penyelesaian yang ditetapkan dan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah ini, Pusat Penjelasan boleh:
 - (i) memulakan pembelian masuk terhadap Peserta Penjelasan Perdagangan yang berkenaan menurut Kaedah 5.2A sekiranya Sekuriti dijual dalam lot dagangan (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kaedah-kaedah Bursa) ("Sekuriti Lot Dagangan"); atau

- (ii) mengambil apa-apa cara lain untuk memulihkan ingkar dalam penghantarserahan oleh Peserta Penjelasan Perdagangan menurut Kaedah-kaedah Bursa yang relevan, atau dalam apa-apa cara lain sebagaimana yang dianggap sesuai bagi keadaan tersebut.
- (b) Tertakluk pada Kaedah-kaedah ini, Pusat Penjelasan boleh mengambil tindakan yang ditetapkan dalam Kaedah 5.2D sekiranya suatu potensi ingkar berlaku dalam penghantarserahan Sekuriti, dalam keadaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 5.2D.

5.2A PEMBELIAN MASUK

- (a) Sekiranya Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual ("TCP menjual") yang berkaitan dengan suatu Kontrak Siap Sedia, yang telah menjual Sekuriti dalam lot dagangan, gagal menghantar serah Sekuriti dengan mengadakan kuantiti Sekuriti yang dijual sebagai Baki Boleh Dagang dalam akaun sekuriti yang relevan pada hari penyelesaian yang ditetapkan, Pusat Penjelasan akan mengarahkan Bursa untuk membeli masuk secara automatik terhadap TCP menjual yang sedemikian tanpa memberikan notis pada Hari Pasaran kedua berikutan Tarikh Kontrak.
- (b) Tiada penarikan balik pembelian masuk akan dibenarkan melainkan Pusat Penjelasan menentukan selainnya menurut Kaedah-kaedah ini.
- (c) Pusat Penjelasan boleh memulakan penarikan balik pembelian masuk dalam apa-apa keadaan yang difikirkan sesuai oleh Pusat Penjelasan dan dalam keadaan sedemikian, Pusat Penjelasan akan mengarahkan Bursa untuk menarik balik pembelian masuk itu.
- (d) Pusat Penjelasan akan mengarahkan Bursa untuk melakukan pembelian masuk menurut terma dan syarat sedemikian, sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan, yang termasuklah yang berikut:
 - (i) melainkan dinyatakan selainnya, harga bidaan untuk pembelian masuk bagi apa-apa Sekuriti oleh Bursa hendaklah sepuluh (10) *Tick* di atas harga-harga yang berikut, dikenakan, apabila bersesuaian, kepada *Tick* yang lebih tinggi:
 - (aa) Harga Tutup pada Hari Pasaran yang sebelumnya; atau
 - (bb) Harga Terakhir bagi sesi dagangan sebelumnya, bagi Sekuriti sedemikian, mana-mana yang lebih tinggi;
 - (ii) harga bidaan untuk pembelian masuk oleh Bursa bagi apa-apa Sekuriti yang disebut secara rasmi sebagai "dengan kelayakan" hendaklah sepuluh (10) *Tick* di atas harga "dengan kelayakan" akhir atau Harga Tutup Akhir, mana-mana yang lebih tinggi, bergantung pada jenis tindakan korporat, dari tarikh Sekuriti disebut sebagai "tanpa kelayakan" sehingga penutupan perniagaan pada tarikh penyerahsimpanan;
 - (iii) [Dipotong];
 - (iv) [Dipotong];
 - (v) satu renti dagangan atau gantungan daripada perdagangan di kaunter yang dikenakan menurut Kaedah-kaedah Bursa atau Kehendak-kehendak Penyenaraian tidak akan menjejaskan pembelian masuk Sekuriti yang terjejas;
 - (vi) kehendak-kehendak lain yang sedemikian sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Bursa atau sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (e) Penghantarserahan bagi pembelian masuk boleh dilaksanakan dengan Catatan Buku pada tarikh kontrak pembelian masuk itu sendiri.

5.2B INKAR DALAM PENGHANTARSERAHAN SEKURITI YANG DIJUAL DALAM LOT-LOT DAGANGAN

- (a) Sekiranya Pusat Penjelasan telah menasihati Bursa untuk memulakan pembelian masuk terhadap Peserta Penjelasan Perdagangan, Pusat Penjelasan boleh menasihati Bursa untuk menarik balik pembelian masuk itu jika:
- (i) Sekuriti itu tidak dibeli masuk menurut Kaedah-kaedah ini dan Kaedah-kaedah Bursa dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan; atau
 - (ii) dalam keadaan lain yang seumpamanya yang Pusat Penjelasan fikirkan sesuai.
- (b) Suatu kontrak bagi Sekuriti Lot Dagangan yang penarikan balik pembelian masuk yang dirujuk dalam Kaedah 5.2B(a) berkenaan, hendaklah kemudiannya diselesaikan oleh Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual dengan pembayaran tunai dan Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli menerima Jumlah Penyelesaian Secara Tunai yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan sebagai ganti bagi penghantaran Sekuriti Lot Dagangan.
- (c) Jika Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli, seterusnya menjual mana-mana bahagian Sekuriti Lot Dagangan dan tidak dapat menghantar serah Sekuriti yang dijual, Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli mungkin dikehendaki untuk membayar Jumlah Penyelesaian Secara Tunai sedemikian sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan bagi jumlah bilangan Sekuriti yang dijual.
- (d) Peserta Penjelasan Perdagangan membeli yang mutakhir bagi Sekuriti Lot Dagangan yang dirujuk dalam Kaedah 5.2B(c) hendaklah menerima Jumlah Penyelesaian Secara Tunai sebagai ganti kepada penghantaran Sekuriti. Untuk tujuan Kaedah ini, "Peserta Penjelasan Perdagangan membeli yang mutakhir" bermaksud Peserta Penjelasan Perdagangan membeli yang akhir yang belum menerima Sekuriti Lot Dagangan dan yang belum menjual seterusnya mana-mana bahagian Sekuriti Lot Dagangan itu.

5.2C INKAR DALAM PENGHANTARSERAHAN SEKURITI YANG DIJUAL DALAM LOT-LOT GANJIL

Apabila Peserta Penjelasan Perdagangan, yang telah menjual Sekuriti dalam lot ganjil (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kaedah-kaedah Bursa) ("Sekuriti Lot Ganjil") yang berkaitan dengan suatu Kontrak Yang Dinovasi, gagal menghantar serah Sekuriti Lot Ganjil itu kepada Pusat Penjelasan pada hari penyelesaian yang ditetapkan dan dalam cara sebagaimana yang ditentukan di bawah Kaedah-kaedah ini, kontrak bagi Sekuriti Lot Ganjil tersebut hendaklah diselesaikan oleh Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual dengan membayar tunai dan Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli akan menerima suatu Jumlah Penyelesaian Secara Tunai sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan sebagai ganti bagi penghantar serahan Sekuriti Lot Ganjil.

5.2D POTENSI INKAR DALAM PENGHANTARSERAHAN SEKURITI

Tanpa mengambil kira apa-apa pun dalam Kaedah-kaedah ini, Pusat Penjelasan boleh menyelesaikan kontrak sedemikian dalam Sekuriti sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan ("Kontrak yang Relevan") dengan menghendaki agar Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual untuk membayar tunai dan Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli akan menerima suatu Jumlah Penyelesaian Secara Tunai sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan sebagai ganti bagi penghantaran Sekuriti jika:

- (a) Peserta Penjelasan Perdagangan, yang telah memasuki Kontrak yang Relevan, membuat permohonan kepada Pusat Penjelasan dalam cara sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan, bagi Kontrak itu diselesaikan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan di atas; dan
- (b) Pusat Penjelasan berpuas hati bahawa Peserta Penjelasan Perdagangan tidak akan dapat menghantar serah Sekuriti bagi Kontrak yang Relevan pada hari penyelesaian yang ditetapkan atau dalam cara sebagaimana yang ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah ini.

5.2E JUMLAH PENYELESAIAN SECARA TUNAI

Jumlah Penyelesaian Secara Tunai boleh termasuk fi atau caj sedemikian sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pusat Penjelasan, dan dikira dan dibayar dalam cara yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan dalam direktif Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

5.3 PENYELESAIAN KEWANGAN ANTARA PESERTA PENJELASAN DAN PUSAT PENJELASAN

- (a)
 - (i) Penyelesaian kewangan bagi Sekuriti hendaklah berdasarkan “asas nilai bersih”, dan dalam mata wang sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.
 - (ii) Untuk tujuan Kaedah 5.3(a)(i) “asas nilai bersih” bermaksud suatu proses apabila obligasi kewangan Peserta Penjelasan dikumpulkan dan ditolak selesai antara satu sama lain, menghasilkan suatu kedudukan akhir bagi setiap Peserta Penjelasan.
- (b) Setiap Peserta Penjelasan hendaklah memiliki akaun yang ditetapkan dengan bank penjelasan yang ditetapkan yang sedemikian untuk tujuan perkhidmatan penyelesaian kewangan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.
- (c) Penyelesaian kewangan bagi amaun yang kena dibayar oleh Peserta Penjelasan kepada Pusat Penjelasan di bawah Kaedah 5.3(f) hendaklah dibayar oleh Peserta Penjelasan kepada Pusat Penjelasan tidak lewat dari Masa Penyelesaian Kewangan Terjadual. Pembayaran itu adalah tidak boleh batal apabila dikreditkan ke dalam akaun bank Pusat Penjelasan.
- (d)
 - (i) Pengiriman dan deposit yang dibayar oleh Peserta-peserta Penjelasan kepada Pusat Penjelasan hendaklah dalam dana yang tersedia serta-merta.
 - (ii) Untuk tujuan Kaedah 5.3(d)(i), ungkapan “dalam dana yang tersedia serta-merta” termasuklah pembayaran dengan cara pemindahan dana ke suatu akaun dari semasa ke semasa, yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan atau apa-apa instrumen lain yang boleh dijelaskan dalam hari yang sama dan Pusat Penjelasan dapat memperoleh nilai pada hari yang sama.
- (e) Semua jumlah yang berikut yang berkaitan dengan penyelesaian kewangan bagi Sekuriti hendaklah, pada setiap Hari Pasaran, ditolak bersih menurut Kaedah 5.3(a)(i):
 - (i) jumlah yang kena dibayar oleh Peserta Penjelasan kepada Pusat Penjelasan; dan
 - (ii) jumlah yang belum diterima oleh Peserta Penjelasan daripada Pusat Penjelasan.

- (f) Berdasarkan Masa Penyelesaian Kewangan Terjadual, Pusat Penjelasan hendaklah memberitahu semua Peserta Penjelasan akan jumlah bersih yang kena dibayar oleh Pusat Penjelasan kepada Peserta Penjelasan atau jumlah bersih yang boleh diterima oleh Pusat Penjelasan daripada Peserta Penjelasan, dengan perbezaan antara:
- (i) jumlah yang kena dibayar kepada Peserta Penjelasan yang berkaitan dengan Sekuriti yang dihantarserahkan oleh Peserta Penjelasan kepada Pusat Penjelasan; dan
 - (ii) jumlah yang kena dibayar oleh Peserta Penjelasan yang berkaitan dengan Sekuriti yang diterima oleh Peserta Penjelasan daripada Pusat Penjelasan.
- (g) Penyelesaian kewangan bagi jumlah yang kena dibayar daripada Pusat Penjelasan kepada Peserta Penjelasan menurut Kaedah 5.3(f) hendaklah dilaksanakan oleh Pusat Penjelasan menurut Masa Penyelesaian Kewangan Terjadual dengan pengiriman dana melalui bank ke dalam akaun bank penjelasan bagi Peserta Penjelasan masing-masing. Pembayaran itu adalah tidak boleh batal apabila dikreditkan ke dalam akaun bank penjelasan Peserta Penjelasan,
- (h) Masa penyelesaian kewangan terjadual yang dirujuk dalam Kaedah 5.3 adalah:
- (i) Bagi Kontrak Siap Sedia:
 - (aa) yang berhubungan dengan kelompok pertama pelaksanaan penyelesaian sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan, yang berkaitan dengan pembayaran oleh Peserta Penjelasan yang membeli bersih kepada Pusat Penjelasan atau pembayaran oleh Pusat Penjelasan kepada Peserta Penjelasan yang menjual bersih, tidak lewat dari pukul 10.00 pagi pada hari kedua Hari Pasaran berikutan Tarikh Kontrak; dan
 - (bb) yang berhubungan dengan kelompok kedua pelaksanaan penyelesaian sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan, yang berkaitan dengan pembayaran oleh Peserta Penjelasan yang membeli bersih kepada Pusat Penjelasan atau pembayaran oleh Pusat Penjelasan kepada Peserta Penjelasan yang menjual bersih, tidak lewat dari pukul 2.00 petang pada hari kedua Hari Pasaran berikutan Tarikh Kontrak.
 - (ii) [Dipotong]
 - (iii) Bagi kontrak pembelian masuk yang dilaksanakan menurut Kaedah 5.2A(a):
 - (aa) yang berkaitan dengan pembayaran oleh Peserta Penjelasan yang ingkar kepada Pusat Penjelasan, tidak lewat dari pukul 10.00 pagi pada Hari Pasaran berikutnya berikutan tarikh kontrak pembelian masuk; dan
 - (bb) yang berkaitan dengan pembayaran oleh Pusat Penjelasan kepada Peserta Penjelasan yang menjual, tidak lewat dari pukul 10.00 pagi pada Hari Pasaran berikutnya berikutan tarikh kontrak pembelian masuk.

5.4 KEINGKARAN DALAM PENYELESAIAN KEWANGAN

Keingkaran dalam penyelesaian kewangan oleh Peserta Penjelasan Perdagangan adalah tertakluk pada Kaedah-kaedah Ingkar di bawah Bab 4.

5.5 TUNTUTAN-TUNTUTAN KE ATAS KELAYAKAN DAN HAK

- (a) Tuntutan-tuntutan yang berikut yang berkaitan dengan suatu Kontrak Yang Dinovasi boleh ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa:
 - (i) Tuntutan-tuntutan ke atas dividen, terbitan bonus, terbitan hak dan kelayakan lain yang timbul daripada kegagalan untuk menghantar serah Sekuriti; atau
 - (ii) Tuntutan-tuntutan ke atas hak yang timbul daripada kegagalan untuk menghantar serah hak sedemikian sebagaimana yang dirujuk dalam Kaedah-kaedah Bursa.
- (b) Peserta Penjelasan Perdagangan yang membuat tuntutan hendaklah menyampaikan tuntutan kepada Pusat Penjelasan dalam cara yang ditetapkan di bawah Prosedur Operasi.

5.6 SEKURITI TIDAK SAH UNTUK PENGHANTARSERAHAN

- (a) Sekuriti tidak sah untuk penghantaran serah berlaku apabila suatu pemindahan pemilikan tidak boleh seterusnya didaftarkan oleh pendaftar Syarikat, yang Sekuriti syarikat itu disebut harga pada senarai rasmi Bursa.
- (b) Pusat Penjelasan boleh, menurut budi bicara sepenuhnya menetapkan direktif ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Sekuriti yang tidak sah untuk penghantaran serah.

5.7 PEMELIHARAAN HAK MILIK

- (a) Sehingga masa tertentu apabila Pusat Penjelasan berpuas hati bahawa Pusat Penjelasan telah menerima bayaran penuh untuk apa-apa Sekuriti yang dihantar serah oleh Pusat Penjelasan bagi penyelesaian Kontrak Yang Dinovasi kepada, atau yang menurut instruksi daripada Peserta Penjelasan Perdagangan yang relevan di bawah Kontrak Yang Dinovasi, pada mana-mana hari penyelesaian yang ditetapkan, melainkan dipersetujui secara khusus selainnya secara bertulis oleh Pusat Penjelasan, hak milik dan kepunyaan dalam Sekuriti sedemikian tidak akan dipindahkan semasa penghantaran serah kepada Peserta Penjelasan atau kepada mana-mana penerima yang berkaitan dengannya menurut instruksi Peserta Penjelasan.
- (b) Untuk mengelakkan keraguan, hak milik dan kepunyaan dalam mana-mana Sekuriti yang telah dihantar serah dalam penyelesaian Kontrak Yang Dinovasi dan yang belum dibayar oleh Peserta Penjelasan Perdagangan yang akan menerima perkara yang sama, hanya akan dipindahkan apabila Peserta Penjelasan Perdagangan atau penerima berkenaannya atas instruksi Peserta Penjelasan Perdagangan, dengan jelas dibenarkan oleh Pusat Penjelasan untuk menggunakannya, tetapi pada bila-bila masa sebelum itu, Pusat Penjelasan hendaklah bebas untuk menggunakan atau memakai Sekuriti sedemikian untuk menanggung liabilitinya, akibat daripada kegagalan Peserta Penjelasan Perdagangan sedemikian untuk membuat pembayaran kepada Pusat Penjelasan, dalam cara yang sedemikian sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pusat Penjelasan. Sekiranya Peserta Penjelasan Perdagangan berhasrat memindahkan Sekuriti sedemikian daripada akaun sekuritinya di Depositori Pusat sebelum pembayaran penuh kepada Pusat Penjelasan, hak milik tidak akan dipindahkan kepada penerima bagi Sekuriti sedemikian berikutan pemindahan.

5.8 KONTRAK URUS NIAGA TERUS

- (a) Semua Kontrak Urus Niaga Terus hendaklah ditadbir melalui Kaedah 5.8(a).
- (i) Penjelasan dan penyelesaian Kontrak Urus Niaga Terus hendaklah dilaksanakan menerusi Pusat Penjelasan menurut Kaedah-kaedah ini dan Prosedur Operasi dan akan memerlukan input ke dalam Sistem Perbandingan Urus Niaga Terus oleh Peserta Penjelasan Perdagangan yang berkaitan dengan kontrak sedemikian.
 - (ii) Input oleh Peserta Penjelasan Perdagangan akan tertakluk pada padanan menurut syarat prosedur Sistem Perbandingan Urus Niaga Terus dan apabila dipadankan, Kontrak Urus Niaga Terus yang relevan akan, melainkan ditolak oleh Pusat Penjelasan, diterima untuk penjelasan dan penyelesaian.
 - (iii) Selepas penerimaan bagi penjelasan dan penyelesaian, Pusat Penjelasan hendaklah mengarahkan Depositori Pusat untuk mendepositkan Sekuriti ke dalam Akaun Urus Niaga Terus Pusat Penjelasan menurut Kaedah 5.8(b) atau Seksyen A Bab 5.
 - (iv) Sebagai pertimbangan bagi peranan dan obligasi Pusat Penjelasan di bawah Kaedah-kaedah ini, peruntukan Kaedah 1.4 (b) yang berkaitan dengan fi penjelasan hendaklah terpakai.
 - (v) Untuk tujuan Kaedah 5.8(a), ungkapan yang berikut hendaklah masing-masing mempunyai maksud sebagaimana yang bertentangan:

“Sistem Perbandingan Urus Niaga Terus” suatu sistem perbandingan untuk memudahkan Peserta Penjelasan untuk menjelaskan dan menyelesaikan Sekuriti yang berkaitan dengan Kontrak Urus Niaga Terus.

“Akaun Urus Niaga Terus Pusat Penjelasan” Suatu akaun untuk memudahkan peletakan Sekuriti sementara menunggu pembayaran.

- (b) Melainkan yang berkaitan dengan Kontrak Urus Niaga Terus yang dijelaskan dan diselesaikan menerusi ISS di bawah Seksyen A Bab 5, penjelasan dan penyelesaian semua Kontrak Urus Niaga Terus hendaklah dikawal juga oleh Kaedah 5.8(b) seperti yang berikut:-
- (i) Apabila menerima Sekuriti (“Sekuriti yang Dihantarserahkan”) dan pembayaran bagi Sekuriti tersebut, Pusat Penjelasan hendaklah mengarahkan Depositori Pusat untuk mengkreditkan Sekuriti tersebut ke dalam akaun sekuriti Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli atau klien Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli dan membayar hasil jualan bagi Sekuriti yang Dihantarserahkan kepada Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual.
 - (ii) Sekiranya Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual membuat penghantarserahan separa Sekuriti di bawah Kontrak Urus Niaga Terus kepada Pusat Penjelasan dan dengan syarat Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli membuat pembayaran berasaskan prorata bagi Sekuriti yang Dihantarserahkan itu dalam cara yang ditetapkan di bawah Prosedur Operasi, Pusat Penjelasan hendaklah mengarahkan Depositori Pusat untuk mengkreditkan Sekuriti yang Dihantarserahkan ke dalam akaun sekuriti Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli atau klien Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli dan membayar hasil jualan yang

diterima daripada Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli kepada Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual.

- (iii) Tanpa menjejaskan hak dan liabiliti antara Peserta Penjelasan yang berkenaan dan juga hak Bursa untuk mengambil tindakan di bawah Kaedah-kaedah Bursa, Kontrak Urus Niaga Terus atau sebahagian Kontrak Urus Niaga Terus yang masih belum diselesaikan tidak akan tertakluk pada pembelian masuk automatik tetapi hendaklah ditarik balik daripada penjelasan dan penyelesaian oleh Pusat Penjelasan menurut Kaedah-kaedah dan Prosedur Operasi.
 - (iv) Sekiranya berlaku kegagalan oleh Peserta Penjelasan Perdagangan yang membeli untuk menyelesaikan jumlah penuh Sekuriti yang Dihantarserahkan —
 - (aa) Pusat Penjelasan tersebut hendaklah mengembalikan semua Sekuriti yang Dihantarserahkan dalam cara yang ditetapkan di bawah Prosedur Operasi ke dalam akaun sekuriti Peserta Penjelasan Perdagangan yang menjual; dan
 - (bb) Kontrak Urus Niaga Terus hendaklah ditarik balik daripada penjelasan dan penyelesaian oleh Pusat Penjelasan menurut Kaedah-kaedah dan Prosedur Operasi.
 - (v) Pusat Penjelasan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan oleh Peserta Penjelasan Perdagangan untuk menyelesaikan mana-mana bahagian Kontrak Urus Niaga Terus, yang mana Peserta Penjelasan Perdagangan merupakan satu pihak.
 - (vi) Pusat Penjelasan boleh, dalam perundingan dengan Suruhanjaya menggunakan apa-apa cara atau syarat lain yang tidak disebut secara khusus di sini, berkaitan dengan penjelasan dan penyelesaian Kontrak Urus Niaga Terus, sebagaimana yang disifatkan sesuai oleh Pusat Penjelasan dalam keadaan masing-masing.
- (c) [Dipotong]

5.9 MARGIN

- (a) Pusat Penjelasan boleh menentukan Margin Peserta Penjelasan Perdagangan menggunakan suatu algoritma berasaskan risiko atau kaedah lain yang seumpamanya sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (b) Peserta Penjelasan Perdagangan hendaklah menyediakan jumlah Kolateral yang dikehendaki yang boleh diterima menurut arahan Pusat Penjelasan untuk memenuhi Marginalnya termasuklah apa-apa Margin tambahan yang diperlukan oleh Pusat Penjelasan.
- (c) Pusat Penjelasan boleh pada bila-bila masa menghendaki Margin tambahan disediakan oleh Peserta Penjelasan Perdagangan dengan serta-merta atau dalam masa tertentu, jika pada pendapat Pusat Penjelasan, Margin tambahan tersebut adalah perlu atau dikehendaki sebagai jaminan tambahan terhadap ketaklaksanaan obligasi oleh Peserta Penjelasan Perdagangan sedemikian di bawah Kaedah-kaedah ini, dengan mengambil kira perubahan dalam harga pasaran, turun naik harga atau aktiviti dagangan.
- (d) Margin Peserta Penjelasan Perdagangan adalah tambahan kepada dan bebas daripada apa-apa jumlah lain yang kena dibayar kepada Pusat Penjelasan oleh Peserta Penjelasan Perdagangan dan untuk mengelakkan apa-apa keraguan, boleh

digunakan oleh Pusat Penjelasan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah ini.

- (e) Pusat Penjelasan boleh, pada bila-bila masa dan menurut budi bicara mutlakanya, berhenti daripada menghendaki semua atau mana-mana Peserta Penjelasan Perdagangan untuk menyediakan Margin.

5.10 KOLATERAL - AM

- (a) Pusat Penjelasan boleh, dari semasa ke semasa menetapkan bentuk wang dan aset yang boleh diterima oleh Pusat Penjelasan sebagai Kolateral.
- (b) Peserta Penjelasan Perdagangan hendaklah memberikan Kolateral kepada Pusat Penjelasan dalam cara sedemikian dan dengan syarat sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (c) Pusat Penjelasan boleh melaburkan, menguruskan dan menggunakan Kolateral itu termasuklah Kolateral lebih dalam cara sedemikian sebagaimana yang disifatkan suai manfaat oleh Pusat Penjelasan.
- (d) Peserta Penjelasan Perdagangan tidak boleh memberikan wang dan aset klien Peserta Penjelasan Perdagangan kepada Pusat Penjelasan, untuk tujuan memenuhi Margin Peserta Penjelasan Perdagangan.
- (e) Pusat Penjelasan tidak mempunyai obligasi atau tanggungjawab untuk mengekalkan, melindungi, mengumpul atau merealisasikan Kolateral Peserta Penjelasan Perdagangan, dan dalam keadaan apa-apa sekalipun Pusat Penjelasan tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian, atau pengurangan nilai atau penyusutan nilai dalam atau yang berkaitan dengan Kolateral yang disenggarakan menurut Kaedah-kaedah ini.
- (f) Pusat Penjelasan boleh mendepositkan apa-apa Kolateral yang diterima oleh Pusat Penjelasan dengan kustodian yang sesuai yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan untuk simpanan selamat.
- (g) Peserta Penjelasan Perdagangan yang menyenggara Kolateral dengan Pusat Penjelasan hendaklah menanggung rugi dan memegang Pusat Penjelasan bebas daripada apa-apa kerugian, ganti rugi, kos, caj dan perbelanjaan yang apa-apa jua pun sifatnya dan walau bagaimana sekalipun timbul ("Kerugian") yang dialami atau ditanggung oleh Pusat Penjelasan terhadap mana-mana kustodian ditetapkan yang boleh terhasil atau timbul berkaitan dengan:
 - (i) apa-apa tindakan, kelewatan atau peninggalan yang berkaitan dengan Kolateral (sama ada oleh Peserta Penjelasan Perdagangan sedemikian atau Pusat Penjelasan) yang didepositkan dengan kustodian ditetapkan sedemikian; atau
 - (ii) apa-apa kontrak atau perjanjian antara Pusat Penjelasan dengan mana-mana kustodian ditetapkan, atau mana-mana representasi, waranti, atau aku janji yang diberikan oleh Pusat Penjelasan kepada mana-mana kustodian ditetapkan, yang berkaitan dengan atau yang selainnya berhubung dengan Kolateral yang didepositkan dengan kustodian ditetapkan yang sedemikian,

dengan syarat bahawa, tanggung rugi ini tidak melindungi apa-apa Kerugian atau liabiliti Pusat Penjelasan yang disebabkan atau yang boleh dirujuk kepada Pusat Penjelasan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Pusat Penjelasan yang bertindak selain daripada dengan niat baik dalam pelaksanaan tugas atau pelaksanaan tugas yang dihasratkan bagi Pusat Penjelasan atau orang sedemikian.

5.11 KOLATERAL – FAEDAH DAN FI

- (a) Faedah atau jumlah lain yang terakru bagi Kolateral tunai akan diperuntukkan oleh Pusat Penjelasan untuk Kolateral Peserta Penjelasan Perdagangan sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (b) Peserta Penjelasan Perdagangan hendaklah membayar fi dan caj pentadbiran yang sedemikian kepada Pusat Penjelasan sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan berkaitan dengan Kolateral yang diterima oleh Pusat Penjelasan.
- (c) Pusat Penjelasan boleh menolak fi dan caj pentadbiran daripada faedah ke atas Kolateral yang kena dibayar oleh Pusat Penjelasan kepada Peserta Penjelasan Perdagangan menurut Kaedah-kaedah ini.

5.12 KOLATERAL – KOLATERAL LEBIHAN

Peserta Penjelasan Perdagangan mempunyai pilihan untuk menyediakan Kolateral yang melebihi Margin Peserta Penjelasan Perdagangan kepada Pusat Penjelasan dan Pusat Penjelasan boleh menggunakan lebihan ini untuk memenuhi Margin akan datang yang dikehendaki daripada Peserta Penjelasan Perdagangan.

5.13 KOLATERAL - NILAIAN

- (a) Pusat Penjelasan akan, menurut budi bicaranya sendiri menentukan nilai yang akan diperuntukkan kepada Kolateral yang diberikan kepada Pusat Penjelasan.
- (b) Tanpa mengehadkan keluasan Kaedah 5.13(a), Pusat Penjelasan boleh memberikan nilai sifar kepada mana-mana Kolateral yang diberikan oleh Peserta Penjelasan Perdagangan untuk tujuan memenuhi obligasinya di bawah Kaedah-kaedah ini jika Kolateral sedemikian didapati, dalam apa-apa cara sekalipun tidak boleh diterima oleh Pusat Penjelasan.

5.14 KOLATERAL - MEMORANDUM DEPOSIT

- (a) Peserta Penjelasan Perdagangan hendaklah dalam masa yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan, melaksanakan dan menyampaikan memorandum deposit dalam bentuk dan menurut syarat yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan, dengan menetapkan terma yang di bawahnya Kolateral dalam bentuk Sekuriti diberikan kepada, dan dipegang oleh Pusat Penjelasan.
- (b) Peserta Penjelasan Perdagangan hendaklah mematuhi terma memorandum deposit dan apa-apa pelanggaran memorandum deposit akan menjadi pelanggaran Kaedah-kaedah ini.

5.15 KOLATERAL - PENGEMBALIAN KOLATERAL

- (a) Pusat Penjelasan boleh mengembalikan Kolateral atau mana-mana bahagian daripadanya kepada Peserta Penjelasan Perdagangan atas permohonan Peserta Penjelasan Perdagangan, jika obligasi di bawah Kaedah-kaedah ini yang memperuntukkan Kolateral sedemikian telah dipenuhi atau apabila Peserta Penjelasan Perdagangan memberikan Kolateral alternatif.
- (b) Pusat Penjelasan boleh, pada bila-bila masa mengembalikan Kolateral atau mana-mana bahagian daripadanya kepada Peserta Penjelasan Perdagangan sebagaimana

yang disifatkan sesuai oleh Pusat Penjelasan, termasuk apabila Pusat Penjelasan menetapkan di bawah Kaedah 5.9(e) untuk berhenti daripada meminta Peserta Penjelasan Perdagangan menyediakan Margin.

5.16 LIEN AM DAN HAK TOLAK SELESAI

- (a) Tanpa menjejaskan dan sebagai tambahan kepada apa-apa hak atau remedi lain yang dimiliki oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah-kaedah ini, kontrak, undang-undang atau ekuiti, Pusat Penjelasan hendaklah mempunyai lien terhadap yang berikut:
- (i) semua Kolateral yang diberikan kepada Pusat Penjelasan;
 - (ii) semua Sekuriti yang terdiri daripada harta atau aset bagi Peserta Penjelasan Perdagangan sedemikian (tanpa mengambil kira bahawa Pusat Penjelasan mungkin tidak memiliki secara fizikal Sekuriti sedemikian); dan
 - (iii) apa-apa wang dan aset lain yang dimiliki oleh Peserta Penjelasan Perdagangan yang mungkin tersedia atau menjadi tersedia kepada Pusat Penjelasan.
- (b) Tanpa menjejaskan keluasan Kaedah 5.16(a) dan tanpa mengambil kira apa-apa pun dalam Kaedah-kaedah ini, sebagai tambahan kepada apa-apa hak atau remedi lain yang mungkin dimiliki oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah-kaedah ini, kontrak, undang-undang atau ekuiti, Pusat Penjelasan boleh, pada bila-bila masa menggabungkan mana-mana atau semua jumlah yang kena dibayar kepada atau yang boleh diterima daripada Peserta Penjelasan Perdagangan, dan menolak selesai atau memindahkan atau menggunakan apa-apa harta Peserta Penjelasan Perdagangan yang tertakluk di bawah lien bagi memenuhi apa-apa liabiliti Peserta Penjelasan Perdagangan terhadap Pusat Penjelasan, sama ada atau tidak:
- (i) harta Peserta Penjelasan Perdagangan sedemikian dan liabiliti adalah dalam mata wang yang sama; dan
 - (ii) liabiliti sedemikian adalah kena dibayar, yang terhutang atau ditanggung, secara bersama atau berasingan.

JADUAL 5-1

SAIZ TICK YANG BERKAITAN DENGAN PEMBELIAN PAKSA
[Takrifan “*Tick*” dan Kaedah 5.2A(d)]

(i) **Saiz *Tick* bagi Sekuriti yang Disebut Harga dalam RM**

| Harga Sekuriti (RM) | Saiz <i>Tick</i> (Sen) |
|---------------------------|---------------------------|
| Kurang daripada 1.00 | 0.5 |
| Antara 1.00 dengan 2.99 | 1 |
| Antara 3.00 dengan 4.99 | 2 |
| Antara 5.00 dengan 9.99 | 5 |
| Antara 10.00 dengan 24.99 | 10 |
| Antara 25.00 dengan 99.99 | 25 |
| 100.00 dan lebih | 50 |

(ii) **Saiz *Tick* bagi Sekuriti yang Disebut Harga dalam USD, EUR, AUD dan SGD**

| Harga Sekuriti (Dolar) | Saiz <i>Tick</i> (Sen) |
|---------------------------|---------------------------|
| Kurang daripada 1.00 | 0.5 |
| Antara 1.00 dengan 2.99 | 1 |
| Antara 3.00 dengan 4.99 | 2 |
| Antara 5.00 dengan 9.99 | 5 |
| Antara 10.00 dengan 24.99 | 10 |
| Antara 25.00 dengan 99.99 | 25 |
| 100.00 dan lebih | 50 |

(iii) **Saiz *Tick* bagi Sekuriti yang Disebut Harga dalam GBP**

| Harga Sekuriti (<i>Pound</i>) | Saiz <i>Tick</i> (<i>Pence</i>) |
|------------------------------------|--------------------------------------|
| Kurang daripada 1.00 | 0.5 |
| Antara 1.00 dengan 2.99 | 1 |
| Antara 3.00 dengan 4.99 | 2 |
| Antara 5.00 dengan 9.99 | 5 |
| Antara 10.00 dengan 24.99 | 10 |
| Antara 25.00 dengan 99.99 | 25 |
| 100.00 dan lebih | 50 |

BAB 5

SEKSYEN A

PERKHIDMATAN PENYELESAIAN INSTITUSI/ISS

A5.1 SYARAT TERDAHULU BAGI PENGGUNAAN ISS

Penggunaan ISS adalah bersyarat kepada Peserta Penjelasan memberikan persetujuan secara bertulis, dalam bentuk yang ditetapkan, untuk terikat oleh dan mematuhi Kaedah-kaedah, Prosedur Operasi, direktif dan peraturan lain Pusat Penjelasan pada masa berkuat kuasa, apa-apa keputusan atau direktif Pusat Penjelasan dan obligasi yang dikenakan ke atas Peserta Penjelasan semasa kemasukan, obligasi berterusan, termasuklah tanpa had, untuk menegakkan standard kompetensi dan integriti paling tinggi, mengikut mana-mana yang berkaitan.

Untuk mengelakkan keraguan, Bab ini akan terpakai bagi semua Transaksi ISS yang terhasil sama ada daripada Kontrak Yang Dinovasi atau Kontrak Urus Niaga Terus.

A5.2 TRANSAKSI YANG LAYAK

- (a) Pusat Penjelasan hanya akan menerima Transaksi ISS bagi penjelasan dan penyelesaian di bawah ISS, jika transaksi sedemikian adalah berkaitan dengan Sekuriti yang disenaraikan di Bursa dan didepositkan dengan Depositori Pusat.
- (b) Pusat Penjelasan hanya akan menerima Arahan ISS dan Pengesahan ISS dan/atau Pengakuan ISS yang berkaitan dengan Transaksi ISS bagi penjelasan dan penyelesaian di bawah ISS jika:
 - (i) Transaksi ISS sedemikian terhasil secara langsung daripada atau dalam Kontrak Pasaran; dan
 - (ii) Transaksi ISS sedemikian berkaitan dengan Sekuriti yang sama bagi Kontrak Pasaran yang relevan dan kuantiti Transaksi ISS hendaklah:
 - (aa) bagi Kontrak Yang Dinovasi, tidak melebihi kuantiti kontrak sedemikian; atau
 - (bb) bagi Kontrak Urus Niaga Terus, tidak melebihi kuantiti kontrak sedemikian; dan
 - (iii) Transaksi ISS, hendaklah diselesaikan pada hari penyelesaian yang ditetapkan yang sama seperti Kontrak Pasaran, yang berkaitan dengannya.

A5.3 PENJELASAN TRANSAKSI MEMBELI DAN MENJUAL

- (a) Penjelasan bagi mana-mana Transaksi ISS yang hendak diselesaikan di bawah ISS hanya akan dilaksanakan jika Peserta Penjelasan Perdagangan yang melaksanakan transaksi dan pihak lain yang relevan kepada Transaksi ISS, melakukan input Arahan ISS, Pengesahan ISS atau Pengakuan ISS, mengikut mana-mana yang berkaitan, yang mengandungi Butiran yang Berkaitan sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan menurut Prosedur Operasi.

- (b) Input suatu Arahan ISS dan Pengesahan ISS atau Pengakuan ISS yang sepadan, mengikut mana-mana yang berkaitan, oleh pihak-pihak yang relevan dengan Transaksi ISS, atau apa-apa instruksi lain yang berkaitan dengan Transaksi ISS hendaklah menurut Prosedur Operasi.
- (c) Suatu Transaksi ISS hendaklah tertakluk pada padanan menurut prosedur yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan berdasarkan input Arahan ISS dan Pengesahan ISS dan/atau Pengakuan ISS yang sepadan, mengikut mana-mana yang berkaitan.
 - (ca) Pada bila-bila masa sebelum padanan Butiran yang Berkaitan, Peserta Penjelasan yang relevan boleh mengeluarkan atau 'berbalik kepada' Arahan ISS, Pengesahan ISS atau Pengakuan ISS, mengikut mana-mana yang berkaitan, dalam cara yang ditetapkan dalam Prosedur Operasi.
 - (cb) Pada bila-bila masa selepas padanan Butiran yang Berkaitan tetapi sebelum penyelesaian Transaksi ISS tersebut di bawah ISS, Transaksi ISS tersebut boleh dibatalkan oleh Peserta Penjelasan yang relevan dalam cara yang ditetapkan dalam Prosedur Operasi.
 - (cc) Apabila dilakukan padanan Butiran yang Berkaitan, Transaksi ISS tersebut hendaklah, melainkan ditolak oleh Pusat Penjelasan atau apabila Transaksi ISS tersebut dibatalkan oleh Peserta Penjelasan yang relevan dalam cara yang ditetapkan dalam Prosedur Operasi, tertakluk pada penyelesaian di bawah ISS menurut Kaedah-kaedah dan Prosedur Operasi.
- (d) Apa-apa Transaksi ISS, yang tetap tidak dipadankan menjelang masa sedemikian sebagaimana yang ditentukan dalam Prosedur Operasi, akan ditarik balik secara automatik daripada sistem oleh Pusat Penjelasan dan tidak akan dijelaskan dan diselesaikan di bawah ISS.
- (e) Untuk mengelakkan keraguan, Pusat Penjelasan akan bertanggungjawab terhadap penjelasan dan penyelesaian suatu Transaksi ISS bagi Kontrak Yang Dinovasi tertakluk pada yang berikut:
 - (i) Sekiranya Transaksi ISS terhasil daripada Transaksi Penjualan, Pusat Penjelasan hendaklah bertanggungjawab terhadap penyelesaian Transaksi ISS itu, jika Peserta Penjelasan, yang genap masanya untuk menghantARSERAHKAN, menghantARSERAHKAN kuantiti Sekuriti yang relevan ke dalam akaun Sekuriti yang ditentukan pada hari penyelesaian yang ditetapkan, sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan. Sekiranya apa-apa penghantARSERAHAN separa dilaksanakan, tanggungjawab penyelesaian Pusat Penjelasan akan hanya berkaitan dengan penghantARSERAHAN Sekuriti separa sedemikian, yang dibuat oleh Peserta Penjelasan.
 - (ii) Sekiranya Transaksi ISS terhasil daripada Transaksi Pembelian, Pusat Penjelasan hendaklah bertanggungjawab terhadap penyelesaian Transaksi ISS itu, jika Sekuriti telah dihantARSERAHKAN ke dalam akaun sekuriti Peserta Penjelasan yang ditentukan, yang genap masanya untuk menerima sekuriti, pada hari penyelesaian yang ditetapkan. Sekiranya hanya penghantARSERAHAN separa dilaksanakan kepada Peserta Penjelasan yang menerima, Peserta Penjelasan yang menerima itu hendaklah melaksanakan pembayaran wang kepada Pusat Penjelasan pada hari penyelesaian yang ditetapkan berasaskan prorata. Tanggungjawab Pusat Penjelasan untuk melaksanakan penyelesaian sekiranya penghantARSERAHAN separa dilaksanakan, akan hanya berkaitan dengan penghantARSERAHAN Sekuriti separa sedemikian kepada Peserta Penjelasan yang relevan.
 - (iii) Pusat Penjelasan tidak akan dalam apa-apa cara pun bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan atau kegagalan separa Peserta Penjelasan

untuk menyelesaikan Transaksi ISS yang berkaitan dengan Transaksi Pembelian, jika kegagalan sedemikian atau kegagalan separa itu terhasil daripada kegagalan atau kegagalan separa Kontrak Yang Dinovasi atau kegagalan Peserta Penjelasan yang menerima untuk melaksanakan pembayaran bagi Sekuriti yang dihantARSERahkan kepadanya pada hari penyelesaian yang ditetapkan.

- (iv) [Dipotong]
- (f) Untuk mengelakkan keraguan, penjelasan dan penyelesaian Transaksi ISS yang terhasil daripada suatu Kontrak Urus Niaga Terus hendaklah tertakluk pada yang berikut:
 - (i) Sekiranya Transaksi ISS terhasil daripada Transaksi Penjualan, Pusat Penjelasan hendaklah meneruskan penyelesaian Transaksi ISS menurut Kaedah 5.8 jika Peserta Penjelasan yang tiba masa untuk menghantARSERahkan Sekuriti, menyerahkan kuantiti Sekuriti yang relevan ke dalam akaun sekuriti yang ditentukan dalam cara yang ditetapkan di bawah Prosedur Operasi pada hari penyelesaian yang ditetapkan. Sekiranya penghantARSERahan separa dilaksanakan, Pusat Penjelasan hendaklah hanya meneruskan penyelesaian yang berkaitan dengan penghantARSERahan separa Sekuriti.
 - (ii) Sekiranya Transaksi ISS terhasil daripada Transaksi Pembelian, Pusat Penjelasan hendaklah meneruskan penyelesaian Transaksi ISS menurut Kaedah 5.8 yang berkaitan dengan Sekuriti yang DihantARSERahkan. Sekiranya hanya penghantARSERahan separa dilaksanakan, Peserta Penjelasan yang sepatutnya menerima Sekuriti yang DihantARSERahkan boleh melakukan pembayaran tunai kepada Pusat Penjelasan berasaskan prorata menurut Prosedur Operasi pada hari penyelesaian yang ditetapkan. Sekiranya pembayaran penuh dibuat bagi Sekuriti yang DihantARSERahkan, Pusat Penjelasan hendaklah meneruskan penyelesaian Transaksi ISS menurut Kaedah 5.8. Sekiranya gagal membuat penyelesaian penuh bagi jumlah yang kena dibayar bagi Sekuriti yang DihantARSERahkan, Kaedah 5.8(b)(iii) hendaklah terpakai.
 - (iii) Pusat Penjelasan tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa-apa cara pun terhadap apa-apa kegagalan atau kegagalan separa Peserta Penjelasan untuk menyelesaikan Transaksi ISS disebabkan kegagalan Peserta Penjelasan untuk menghantARSERahkan atau melaksanakan pembayaran yang perlu, mengikut mana-mana yang berkaitan.
 - (iv) [Dipotong]

A5.4 INSTRUKSI OLEH PESERTA PENJELASAN

- (a) Semua Arahan ISS, Pengesahan ISS dan Pengakuan ISS dan komunikasi lain oleh Peserta Penjelasan yang menggunakan ISS hendaklah diberikan dalam cara dan dalam bentuk sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.
- (b) Pusat Penjelasan adalah berhak menerima dan bergantung pada apa-apa Arahan ISS, Pengesahan ISS dan Pengakuan ISS dan komunikasi lain daripada Peserta Penjelasan, yang diberikan atau berhasrat untuk diberikan kepada Pusat Penjelasan oleh atau bagi pihak Peserta Penjelasan, yang berkaitan dengan ISS, sama ada atau tidak dengan mematuhi secara ketat cara atau bentuk yang ditetapkan atau apa-apa had bidang kuasa yang terpakai, yang difahami atau dipercayai oleh Pusat Penjelasan, telah diberikan dengan suci hati, kepada Pusat Penjelasan oleh atau bagi pihak Peserta Penjelasan sedemikian.

- (c) Pusat Penjelasan tidak akan mempunyai obligasi untuk bertindak terhadap apa-apa Arahan ISS, Pengesahan ISS atau Pengakuan ISS atau komunikasi lain yang diberikan atau berhasrat untuk diberikan oleh atau bagi pihak Peserta Penjelasan, jika:
- (i) Arahan ISS, Pengesahan ISS atau Pengakuan ISS dan komunikasi lain yang sedemikian, dalam ketetapan Pusat Penjelasan, tidak mengandungi butiran yang mencukupi untuk Pusat Penjelasan untuk bertindak ke atasnya; atau
 - (ii) Arahan ISS, Pengesahan ISS atau Pengakuan ISS dan komunikasi lain yang sedemikian menyalahi undang-undang di bawah mana-mana undang-undang Malaysia atau di bawah apa-apa direktif yang dikeluarkan oleh atau di bawah kuasa Kerajaan Malaysia.
- (d) Tanpa mengambil kira apa-apa pun yang sebaliknya yang terkandung dalam Kaedah-kaedah ini, Pusat Penjelasan tidak akan terikat untuk melaksanakan apa-apa penyelesaian bagi apa-apa Transaksi ISS, atau mengambil apa-apa tindakan lain di bawah ISS berdasarkan apa-apa Arahan ISS, Pengesahan ISS, Pengakuan ISS atau komunikasi lain Peserta Penjelasan, jika Arahan ISS, Pengesahan ISS atau Pengakuan ISS dan komunikasi lain yang sedemikian akan melanggar apa-apa undang-undang terpakai, dekri, perintah mahkamah, peraturan atau arahan bagi mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa berwajib yang lain, atau jika Pusat Penjelasan menetapkan, menurut budi bicara mutlakanya, bahawa Pusat Penjelasan tidak berkepentingan atau Peserta Penjelasan untuk berbuat demikian.

A5.5 PESERTA PENJELASAN BERTINDAK SEBAGAI PRINSIPAL

- (a) Selagi hak dan liabiliti antara Pusat Penjelasan dengan setiap Peserta Penjelasan adalah berkaitan, Peserta Penjelasan yang menggunakan apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan termasuk, tidak terhad pada ISS, hendaklah dianggap sebagai bertindak sebagai prinsipal dan bukan sebagai ejen, pemegang amanah, atau kapasiti lain bagi pihak ketiga dan dengan demikian, hendaklah dipertanggungjawabkan terhadap Pusat Penjelasan.
- (b) Dalam menyediakan perkhidmatannya, Pusat Penjelasan tidak akan mempunyai obligasi untuk memperakukan apa-apa hak atau kepentingan yang dimiliki oleh mana-mana orang atau Klien, melainkan oleh Peserta Penjelasan, yang berhubung dengan semua perkara yang berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan (termasuk tidak terhad pada ISS) dan operasinya oleh Pusat Penjelasan.

A5.6 PROSES PENYELESAIAN TRANSAKSI ISS

- (a) Pusat Penjelasan hendaklah menyediakan perkhidmatan penyelesaian kepada Peserta Penjelasan, yang berkaitan dengan Transaksi ISS yang diterima oleh Pusat Penjelasan untuk penyelesaian menerusi ISS.
- (b) Penyelesaian Transaksi ISS di bawah ISS oleh Pusat Penjelasan, hendaklah dilaksanakan berasaskan per transaksi, antara Peserta Penjelasan yang memberikan input kepada Arahan ISS, Pengesahan ISS atau Pengakuan ISS mengikut mana-mana yang berkaitan.
- (c) Hak untuk menerima dan obligasi untuk menghantARSERAHKAN Sekuriti akibat daripada apa-apa Transaksi ISS yang diterima untuk penyelesaian menerusi ISS hendaklah diselesaikan melalui kredit dan debit Catatan Buku yang dibuat ke dalam akaun sekuriti yang ditentukan bagi Peserta Penjelasan yang relevan oleh Depositori Pusat menurut instruksi yang diserahkan oleh Pusat Penjelasan kepada Depositori Pusat.

A5.7 JUJUKAN PENYELESAIAN/PENGHANTARSERAHAN

- (a) Jujukan penyelesaian Transaksi ISS dalam Sekuriti yang sama pada hari penyelesaian yang ditetapkan hendaklah menurut Prosedur Operasi.
- (b) Pusat Penjelasan hendaklah, berhubung dengan penyelesaian Transaksi ISS yang berkaitan dengan Peserta Penjelasan yang sama, memberikan keutamaan, terhadap penyelesaian obligasi untuk menghantARSERAHAN Sekuriti (Transaksi Penjualan) dan selepas itu hak untuk menerima Sekuriti (Transaksi Pembelian), melainkan ditentukan sebaliknya oleh Pusat Penjelasan.
- (c) Peserta Penjelasan, dengan obligasi untuk menghantARSERAHAN Sekuriti (Transaksi Penjualan) dalam penyelesaian Transaksi ISS, dikehendaki memiliki kuantiti Sekuriti yang diperlukan dalam akaun sekuritinya yang ditentukan pada hari sedemikian sebagaimana yang ditentukan dalam Prosedur Operasi, melainkan ditentukan sebaliknya oleh Pusat Penjelasan.
- (d) Peserta Penjelasan tidak akan dibenarkan untuk bergantung pada penerimaan Sekuriti apabila tiba masa untuk menerima Sekuriti dalam penyelesaian suatu Transaksi ISS (Transaksi Pembelian) pada hari penyelesaian yang sama untuk melaksanakan penghantARSERAHAN Sekuriti, jika Peserta Penjelasan itu mempunyai obligasi untuk menghantARSERAHAN Sekuriti, dalam penyelesaian yang berkaitan dengan Transaksi ISS yang lain (Transaksi Penjualan), melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Pusat Penjelasan.

A5.8 TRANSAKSI ISS TIDAK SELESAI

- (a) Tanpa menjejaskan hak dan liabiliti antara Peserta Penjelasan berkenaan, mana-mana Transaksi ISS yang terhasil daripada Kontrak Yang Dinovasi, yang diterima untuk penyelesaian oleh Pusat Penjelasan di bawah ISS, yang kekal tidak diselesaikan atau diselesaikan sebahagiannya pada hari penyelesaian yang ditetapkan, boleh tertakluk pada pembelian masuk automatik oleh Pusat Penjelasan menurut Kaedah-kaedah ini.
- (b) Tanpa menjejaskan hak dan liabiliti antara Peserta Penjelasan berkenaan dan juga hak Bursa untuk mengambil tindakan di bawah Kaedah-kaedah Bursa, Transaksi ISS yang terhasil daripada Kontrak Urus Niaga Terus atau bahagian Transaksi ISS yang terhasil daripada Kontrak Urus Niaga Terus yang kekal tidak diselesaikan tidak tertakluk pada pembelian masuk automatik tetapi hendaklah ditarik balik daripada penjelasan dan penyelesaian oleh Pusat Penjelasan menurut Kaedah-kaedah dan Prosedur Operasi ini.

A5.9 PENYELESAIAN DANA UNTUK TRANSAKSI ISS

- (a) Suatu Transaksi ISS hendaklah diselesaikan pada hari penyelesaian yang ditetapkan, berasaskan penyerahan semasa pembayaran.
- (b) Untuk melaksanakan penyelesaian suatu Transaksi ISS, dengan Pusat Penjelasan perlu membuat pembayaran kepada Peserta Penjelasan, Pusat Penjelasan hendaklah mengeluarkan instruksi kepada bank penyelesaian yang ditentukan untuk melaksanakan pembayaran kepada Peserta Penjelasan masing-masing. Pembayaran antara Pusat Penjelasan dengan Peserta Penjelasan yang berkaitan dengan penyelesaian Transaksi ISS hendaklah dilaksanakan dalam cara sebagaimana yang diperincikan dalam Prosedur Operasi.
- (c) Berkaitan dengan Transaksi ISS (Transaksi Pembelian) yang diterima untuk penyelesaian di bawah ISS, Pusat Penjelasan tidak akan melaksanakan pembayaran kepada Peserta Penjelasan yang relevan, yang sepatutnya menerima pembayaran

daripada Pusat Penjelasan, sehinggalah pihak Peserta Penjelasan bertentangan yang relevan, yang sepatutnya membuat pembayaran kepada Pusat Penjelasan berkaitan dengan Transaksi ISS sedemikian melaksanakan pembayaran penuh kepada Pusat Penjelasan. Jika Peserta Penjelasan sedemikian gagal membuat pembayaran kepada Pusat Penjelasan, Transaksi ISS sedemikian akan ditetapkan sebagai Transaksi ISS tidak selesai dan Pusat Penjelasan tidak akan mempunyai obligasi untuk membuat pembayaran kepada pihak Peserta Penjelasan bertentangan yang relevan, yang sepatutnya menerima pembayaran daripada Pusat Penjelasan, berkaitan dengan Transaksi ISS sedemikian.

- (d) Melainkan ditentukan selainnya oleh Pusat Penjelasan, obligasi pembayaran wang bagi mana-mana Peserta Penjelasan yang berkaitan dengan Transaksi ISS yang telah diselesaikan boleh dikenakan bagi penghasilan bersih oleh Pusat Penjelasan, dan pembayaran bagi jumlah pembayaran bersih sedemikian oleh atau kepada Pusat Penjelasan oleh Peserta Penjelasan hendaklah dilaksanakan menurut Kaedah A5.9(b).

A5.10 [Dipotong]

A5.11 LIABILITI BAGI KONTRAK PASARAN

- (a) Tanpa menjejaskan apa-apa hak dan liabiliti yang mungkin ada pada Peserta Penjelasan terhadap satu sama lain, Peserta Penjelasan yang merupakan satu pihak dalam Transaksi ISS tetapi bukan satu pihak dalam Kontrak Yang Dinovasi tidak seharusnya dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kegagalan Peserta Penjelasan Perdagangan untuk menyelesaikan Kontrak Yang Dinovasi, yang terhasil daripada Transaksi Pembelian atau Transaksi Penjualan, mengikut mana-mana yang berkaitan.
- (b) Peserta Penjelasan Perdagangan yang merupakan satu pihak dalam Kontrak Yang Dinovasi yang gagal membuat penyelesaian disebabkan ketidakupayaan untuk menghantARSERAHKAN Sekuriti atau dana dalam penyelesaiannya, mengikut mana-mana yang berkaitan, adalah dipertanggungjawabkan terhadap Pusat Penjelasan yang berkaitan dengannya.
- (c) Dalam hal Kontrak Urus Niaga Terus, kegagalan menghantARSERAHKAN sekuriti atau penyelesaian kewangan atau kedua-duanya ialah perkara yang perlu diselesaikan antara pihak-pihak yang berkenaan dan Pusat Penjelasan tidak akan dalam apa-apa cara pun dipertanggungjawabkan terhadapnya.

A5.12 PENGATURAN ALTERNATIF PENJELASAN DAN PENYELESAIAN

Tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan lain dalam Bab ini, Pusat Penjelasan boleh, dalam perundingan dengan Suruhanjaya menggunakan apa-apa cara atau kehendak-kehendak alternatif yang tidak disebut secara khusus di sini untuk penjelasan dan penyelesaian Kontrak Urus Niaga Terus di bawah ISS, sebagaimana yang disifatkan sesuai dalam keadaan tersebut.